From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: CEDI UUM PERKUKUH PEMBANGUNAN CYBERCARE INNOVATION HUB DAN KEUSAHAWANAN SOSIAL MELALUI LAWATAN PENANDA ARAS KE SABAH
Date: Monday, 14 September, 2026 3:01:26 PM
Attachments: image001.png
image004.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

14 SEPTEMBER 2026 / 2 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita oleh: Dr Mohamad Hanif Abu Hassan
Gambar oleh: Encik Mohammad Khairul Amri Ahmad

CEDI UUM PERKUKUH PEMBANGUNAN CYBERCARE INNOVATION HUB DAN KEUSAHAWANAN SOSIAL MELALUI LAWATAN PENANDA ARAS KE SABAH



UUM ONLINE: Kota Kinabalu, 10 September 2026 – Seramai lima orang wakil Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Inkubasi (CEDI), Universiti Utara Malaysia (UUM), telah mengadakan lawatan kerja dan penanda aras ke Sabah dari 8 hingga 10 September 2026. Lawatan tersebut memberikan tumpuan kepada usaha penubuhan inkubator CyberCare Innovation Hub serta penerokaan model keusahawanan sosial berasaskan komuniti di Kota Kinabalu, Kundasang dan Tenom.

Usaha penubuhan CyberCare Innovation Hub dilaksanakan oleh CEDI UUM dengan kerjasama Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC) UUM dan CyberSecurity Malaysia. Hub ini dirancang sebagai platform yang mengintegrasikan pembangunan bakat, latihan teknikal, khidmat perundingan, inovasi serta peluang keusahawanan dalam industri keselamatan siber.

Delegasi CEDI UUM diketuai oleh Pengarah CEDI, Dr. Juhaida Abu Bakar, bersama Timbalan Pengarah Latihan dan Pembangunan Keusahawan Pelajar, Dr. Saiful Azizi Ismail; Timbalan Pengarah Penyelidikan dan Jaringan Industri, Dr. Mohamad Hanif Abu Hassan; Penyelaras Keusahawanan Sosial dan Pembangunan Bakat, Dr. Hanis Hazwani Ahmad; serta kakitangan yang bertanggungjawab terhadap pengurusan inkubator, Encik Mohammad Khairul Amri Ahmad.



Lawatan Penanda Aras Klinik Keselamatan Siber UMS Sebagai pengisian utama, delegasi CEDI UUM telah mengadakan lawatan penanda aras ke Pusat Pengajian Pengkomputeran dan Informatik, Universiti Malaysia Sabah (UMS). Delegasi telah disambut oleh Dekan, Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Hanafi Ahmad Hijazi, bersama Encik Saidin Ahmad selaku wakil pasukan teknikal yang terlibat dalam pengoperasian Klinik Keselamatan Siber UMS.

Sesi perbincangan memberikan tumpuan kepada potensi dan peluang pasaran dalam bidang perniagaan keselamatan siber, cabaran pembangunan perkhidmatan, keperluan teknikal serta idea yang boleh diterapkan dalam pembangunan CyberCare Innovation Hub. Delegasi turut diberikan penerangan mengenai proses pengoperasian klinik keselamatan siber dan dibawa melawat bilik teknikal bagi memahami kemudahan, infrastruktur serta tatacara perkhidmatan yang disediakan.

Maklumat dan pengalaman yang diperoleh melalui lawatan penanda aras tersebut akan digunakan sebagai input penting dalam membangunkan model inkubator keselamatan siber yang praktikal, berdaya maju dan bersesuaian dengan keperluan industri serta komuniti.



Penerokaan Model Keusahawanan Sosial Berasaskan Komuniti Lawatan diteruskan ke Kota Kinabalu, Kundasang dan Tenom bagi meninjau aktiviti keusahawanan sosial serta perniagaan berasaskan komuniti. Tinjauan ini bertujuan memahami kaedah masyarakat tempatan memanfaatkan sumber, kemahiran dan warisan komuniti sebagai sumber pendapatan yang mampan.

Di Kota Kinabalu, delegasi meneliti perniagaan warisan komuniti, khususnya penghasilan dan pemasaran kraftangan mutiara oleh usahawan tempatan. Lawatan ke Kundasang dan Tenom pula memberikan pendedahan kepada perusahaan berasaskan hasil pertanian dan buah-buahan tempatan serta penglibatan komuniti dalam rantaian pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran produk.

Tinjauan tersebut memperlihatkan peranan keusahawanan sosial dalam meningkatkan pendapatan penduduk, mewujudkan peluang pekerjaan, memanfaatkan sumber setempat dan memelihara identiti warisan komuniti. Model perniagaan yang dikenal pasti berpotensi dijadikan rujukan dalam pembangunan program keusahawanan sosial yang lebih inklusif, mampan dan berimpak.



Secara keseluruhannya, lawatan ini telah memberikan input penting kepada CEDI UUM dalam dua bidang utama, iaitu pembangunan ekosistem keusahawanan keselamatan siber melalui CyberCare Innovation Hub dan pemerkasaan keusahawanan sosial berasaskan komuniti. Inisiatif ini diharapkan dapat memperluas jaringan strategik serta menyokong pembangunan usahawan teknologi dan usahawan sosial yang mampu memberikan manfaat kepada universiti, industri dan masyarakat.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.